



Ditubuhkan - 1949
No. Pendaftaran : PPBM 0015/08

MAJLIS BELIA HINDU MALAYSIA மலேசிய இந்து இளைஞர் பேரவை MALAYSIAN HINDU YOUTH COUNCIL

Alamat : 5-2A, JALAN SBC 1, TAMAN SRI BATU CAVES, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel / Fax : 03-6185 5573 Laman Web : www.hyo.org.my Email : hinduyouth@hyo.org.my

KENYATAAN MEDIA

KONTROVERSI SOALAN PEPERIKSAAN UNIMAP

Majlis Belia Hindu Malaysia mengambil perhatian serius terhadap soalan peperiksaan khususnya dalam peperiksaan subjek Hubungan Etnik (Kod U UW 235) di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang mencetuskan kontroversi. Hal ini kerana soalan dikemukakan di universiti itu dianggap sensitif kerana berkaitan dengan pengukuhan Jawi dan Dr Zakir Naik sebagai ikon dunia Islam.

Subjek Hubungan Etnik sepatutnya memupuk kesedaran etnik dalam masyarakat pelbagai kaum kepada generasi muda di negara ini. Hal ini kerana subjek ini bukan sahaja melibatkan aspek teori semata-mata malahan dipraktikkan dalam kehidupan harian. Selain itu, subjek ini seharusnya memenuhi keperluan masyarakat dan menyokong aspirasi kerajaan bagi membentuk rakyat yang harmoni dan bersatu padu.

Pihak UniMAP tidak seharusnya menyentuh isu sensitif sebegini yang membabitkan isu keagamaan atau bangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan antara kaum di negara ini telah dipupuk bertahun-tahun lamanya namun, sedikit kesilapan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab dapat memusnahkan segala-galanya dalam sekelip mata. Perhatian yang lebih serius harus diberikan dalam menangani isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan kontroversi sebegini.

Majlis Belia Hindu Malaysia (MBHM) menegaskan pihak UniMAP harus mengelak daripada menggunakan isu-isu sensitif yang mampu mengundang kontroversi dikalangan masyarakat yang berbilang kaum. Hal ini boleh menyebabkan perpecahan kaum di negara ini.

MBHM menyeru agar semua pihak dapat memberi fokus kepada cara menyatupadukan rakyat kerana isu perkauman sebegini tidak memberi apa-apa manfaat kepada rakyat, malah ia hanya menimbulkan sifat benci sesama rakyat.

Ananthan Subramaniam
Naib Presiden
Majlis Belia Hindu Malaysia